

## **MODEL PENGURUSAN SURAU ORANG ASLI DI SELANGOR**

<sup>1</sup>Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, <sup>2</sup>Zulkefli Aini,

<sup>1</sup>Mohd Hakim Arshad, <sup>1</sup>Ahmad A'toa' Mokhtar,

<sup>1</sup>Ahmad Fauzi Shahr, & <sup>1</sup>Nur Fida'iy Salahuddin

[yusufmarlon@kuis.edu.my](mailto:yusufmarlon@kuis.edu.my), [zulaini@ukm.edu.my](mailto:zulaini@ukm.edu.my), [mohdhakim@kuis.edu.my](mailto:mohdhakim@kuis.edu.my),  
[ahmadatoa@kuis.edu.my](mailto:ahmadatoa@kuis.edu.my), [ahmadfauzi@kuis.edu.my](mailto:ahmadfauzi@kuis.edu.my), & [fidaiy13@yahoo.com](mailto:fidaiy13@yahoo.com)

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

### **ABSTRAK**

Di Malaysia, pengurusan surau kebiasaannya akan diuruskan oleh ahli kariah kawasan terbabit. Begitu juga dengan surau-surau di perkampungan Orang Asli digerakkan dan dipimpin sepenuhnya oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) di beberapa kawasan terbabit. Walaupun terdapat banyak surau yang telah didirikan di perkampungan Orang Asli di Selangor, namun peranan masyarakat Orang Asli terhadap pengurusan dan pentadbiran surau dilihat masih lagi kurang memuaskan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan sebuah model pengurusan surau di Selangor sebagai panduan kepada masyarakat Orang Asli khususnya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu melalui kaedah tinjauan dengan cara temubual dan pengedaran soal selidik serta pemerhatian. Hasil kajian ini akan mewujudkan satu model pengurusan surau Orang Asli di Selangor. Selain itu juga, kajian ini dapat mengetahui cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pengurusan surau dalam menarik minat masyarakat Orang Asli dalam pengimaran surau setempat. Kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan pemahaman kepada masyarakat Orang Asli dalam mengurus, mentadbir dan menyusun organisasi surau dengan lebih efisien dan terurus.

**Kata kunci:** Model, Kecekapan, Pengurusan, Orang Asli, Surau, Selangor.

## 1.0 PENGENALAN

Kerja dakwah bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia melibatkan masalah mengubah pegangan dan kefahaman hidup manusia (Syed Abdurrahman, 2008). Menurut Mohd. Amin Abdul Rahim (2010), pula terdapat enam faktor yang menyumbang kepada penerimaan sasaran dakwah, iaitu pengurusan dan pentadbiran dakwah, sikap sasaran, imej pendakwah, naluri yang tidak mudah dipengaruhi, keadaan emosi yang tidak normal dan salah teknik penyampaian. Manakala punca terjadinya penolakan seruan yang disampaikan adalah disebabkan latar belakang sasaran dan sikap serta ciri peribadi sasaran terhadap dakwah. Syed Abdurrahman (2008), telah menyatakan bahawa terdapat tiga halangan utama yang menjadi penyebab kenapa Orang Asli lambat menerima dakwah yang disampaikan. iaitu halangan dari pihak pendakwah sendiri, halangan dari kelompok sasaran dan halangan yang datang dari luar.

Oleh itu, untuk mengatasi masalah tersebut, pihak PMOA merupakan pihak yang bertanggungjawab menguruskan surau disamping menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Namun, peranan masyarakat Orang Asli terhadap pengurusan dan pentadbiran surau dilihat masih lagi kurang jelas. Walaupun terdapat banyak surau-surau dibina di perkampungan Orang Asli, ianya masih menjadi tanda tanya surau tersebut digunakan dengan baik atau sebaliknya. Kajian ini juga dapat melihat sama ada surau-surau tersebut menjadi pusat kepada perkembangan dakwah Islamiah atau hanya sekadar berfungsi jika ada acara seperti menyambut hari raya puasa dan sebagainya.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan diantara unit yang penting di dalam kajian yang bakal dilakukan ini. Jikalau dilihat dari takrifannya, ia membawa maksud sebagai satu pendekatan yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan dengan tujuan pengumpulan data (Kamal Azli et al, 2015). Kajian ini terdiri daripada kajian kualitatif dan kuantitatif. Melalui kaedah kualitatif, metode dokumentasi bercetak dan temubual bersama PMOA telah digunakan. Manakala, kaedah kuantitatif pula menggunakan instrumen soal selidik. Hasil gabungan daripada kaedah *mixed method* ini, ianya dapat mengenal pasti pandangan dan persepsi cadangan Model Kecekapan Pengurusan Orang Asli di Selangor yang akan dibina. Kesemua data dianalisis dengan menggunakan transkripsi dan dihurai secara deskriptif.

## 2.1 Instrumen Kajian

Bentuk instrumen akan dibina dan digunakan untuk kajian ini:

- i. Soal selidik diedarkan kepada seramai 91 orang responden yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran surau di perkampungan Orang Asli di seluruh Selangor. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian soal selidik ialah kaedah persampelan rawak mudah (*random simple sampling*) iaitu responden soal selidik dipilih secara rawak dari kalangan masyarakat di penempatan Orang Asli yang terdapat di negeri Selangor.
- ii. Temu bual tidak berstruktur pula digunakan terhadap responden Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) bagi mendapatkan maklumat mengenai pengurusan dan pentadbiran surau masyarakat Orang Asli di Selangor. Metod temubual ini digunakan bagi mendapatkan maklumat secara langsung mengenai bidang yang dikaji.

## 2.2 Kaedah Pengumpulan Data

- i. Penyelidik mengemukakan permohonan kepada MAIS, JAKOA, tok penghulu/batin, penggerak masyarakat JAKIM dan pihak-pihak yang terlibat.
- ii. Mengadakan perbincangan dengan pihak berwajib yang berkaitan untuk menerangkan tujuan dan kepentingan kajian.
- iii. Pengumpulan data melalui temu bual yang dilakukan oleh penyelidik dan dibantu oleh pembantu penyelidik.
- iv. Penyelidik menjalankan pemerhatian dan sesi temu bual dengan pihak-pihak yang terlibat.

## 3.0 HASIL KAJIAN

Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa pengurusan surau Orang Asli boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pengurusan dan pentadbiran, pembangunan ekonomi, prasarana dan pengimarah. Keempat-empat elemen ini merupakan tunggak utama dalam menghasilkan pengurusan surau terbaik dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Selangor. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan terdapatnya kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh pengurusan surau Orang Asli.

### **3.1 Pengimarahkan Surau Orang Asli Di Selangor**

Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) merupakan satu unit di bawah Unit Dakwah, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM). PMOA merupakan satu badan yang bertanggungjawab dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Peranan PMOA bukan sahaja menyampaikan dakwah, bahkan mereka juga turut berperanan dalam menjaga kebajikan Orang Asli seperti menghantar ke hospital, membuat pendaftaran bagi anak-anak Orang Asli yang ingin bersekolah dan lain-lain lagi. Oleh itu, tugas PMOA bukanlah terhad di dalam satu bidang sahaja dan tidak hairanlah ia dinamakan sebagai penggerak.


Visi PMOA adalah ‘Islam cara hidup masyarakat Orang Asli’, manakala misinya adalah ‘Memantapkan islamisasi masyarakat Orang Asli berteraskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah’. Berdasarkan visi dan misi ini, dapatlah diketahui bahawa PMOA merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli, termasuklah pengimarahkan surau-surau di setiap perkampungan Orang Asli. Secara tidak langsung, mereka juga bertanggungjawab dalam melaksanakan satu pengurusan yang berkesan di dalam dakwah bagi menarik minat masyarakat Orang Asli mendekati Islam dan pementapan akidah Orang Asli itu sendiri.

Surau Orang Asli merupakan institusi penting untuk membangunkan tamadun manusia, menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan, pusat kemajuan ekonomi ummah, pusat penyebaran maklumat dan pusat kegiatan sosial kemasyarakatan setempat. Oleh itu, ia seharusnya diurus tadbir dengan baik dan efisien agar surau dapat diimarahkan dengan baik oleh masyarakat Orang Asli. Ia juga bukan sahaja berperanan sebagai tempat melaksanakan ibadat solat berjemaah, namun lebih dari itu. Surau seharusnya diimarahkan menerusi pelbagai program dan aktiviti berbentuk keilmuan yang bukan didasarkan pada kehendak tuntutan duniawi sahaja.

### **3.2 Model Kecekapan Pengurusan Surau Orang Asli**

Salah satu strategi yang harus diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli dalam urus tadbir surau ini adalah berdasarkan model kecekapan pengurusan surau Orang Asli seperti mana dalam rajah di bawah:

## Model Kecekapan Pengurusan Surau Orang Asli di Selangor



### Cabaran:

- Kurang kefahaman agama
  - Kewangan
  - Kekangan masa

Rajah di atas menunjukkan model kecekapan pengurusan surau Orang Asli di Selangor. Model ini dibangunkan berdasarkan kepada maklumat dan data yang diperolehi daripada tembual pakar dan instrument kaji selidik kuantitatif daripada responden yang terlibat. Model ini diperkenalkan dengan tujuan agar masyarakat Orang Asli didedahkan dengan sistem pengurusan dan pentadbiran surau dengan lebih berkesan agar fungsi dan matlamat surau tercapai. Berdasarkan model di atas, terdapat empat bahagian asas dari sudut penyusunan organisasi iaitu pengurusan dan pentadbiran, pembangunan ekonomi, prasarana dan pengimarah masjid.

### **3.2.1 Pengurusan dan Pentadbiran**

Surau Orang Asli seharusnya mempunyai struktur organisasi seperti mana masjid dan surau di seluruh Malaysia. Menurut Joni Tamkin et al (2011) bagi memastikan pengurusan masjid atau surau yang baik, organisasinya haruslah diketuai oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari. Setiap jawatan yang diperkenalkan juga haruslah diterangkan perincian bidang tugas masing agar AJK surau dapat memahami dengan lebih mendalam. Perlantikan AJK surau juga haruslah diteliti dan menepati kelayakan atau kemahiran tertentu yang sepatutnya. Sebagai contoh bendahari perlu mempunyai latar belakang berkaitan dengan kewangan atau seseroang yang boleh dipercayai dalam struktur masyarakat Orang Asli.

Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menganjurkan pelbagai bentuk aktiviti yang terdiri daripada aktiviti keagamaan, sosial dan ekonomi seperti mewujudkan koperasi, menyediakan kedai, penginapan untuk disewa dan sebagainya. Sesebuah surau juga harus mempunyai AJK atau Biro yang komited, aktif dan sistematik serta mempunyai peancangan aktiviti tahunan yang akan dilaksanakan.

### **3.2.2 Pembangunan Ekonomi**

Sistem kewangan yang teratur amat penting dalam menjaga imej dan kredibiliti AJK surau. Sistem kewangan yang teratur hendaklah mempunyai penyata pendapatan dan perbelanjaan yang lengkap, resit dan baucher bayaran yang tersimpan kemas dan imbalan kewangan yang seimbang. Perbelanjaan juga haruslah mengikut perancangan aktiviti yang telah dirancang. Melalui perancangan belanjawan tahunan yang disediakan ahli kariah akan mengetahui dengan jelas keperluan kewangan bagi surau tersebut. Ini akan memberikan semangat untuk mereka menyumbang bagi memastikan setiap aktiviti yang telah dirancang

akan dapat dilaksanakan. Selain sumbangan yang dikutip dari ahli kariah setiap kali aktiviti akan di jalankan maka sumbangan tetap juga boleh dijadikan sumber utama kewangan surau selain kutipan Jumaat. Bagi masjid yang mempunyai ahli kariah yang ramai maka sumber kewangan yang banyak dapat dikutip walaupun melalui sumbangan tetap RM 1.00 sebulan bagi setiap keluarga.

### **3.2.3 Prasarana**

Fasiliti surau Orang Asli termasuklah dalam perkara-perkara yang memudahkan aktiviti, pelaksanaan ibadah dan sebagainya kepada Jemaah yang mengunjungi surau. Surau juga haruslah mempunyai bilik pejabat dan bilik mesyuarat sebagai pusat kegiatan surau. Pejabat surau hendaklah lengkap dengan maklumat berkaitan kariah seperti senarai ahli kariah, senarai fakir miskin, senarai anak yatim, maklumat persempadanan dan daftar masyarakat Islam di dalam kariah. Melalui maklumat ini maka segala aktiviti kariah boleh diselaraskan dan diadakan dengan berkesan. Maklumat ini juga boleh membantu kita mengenalpasti kekuatan dan kelemahan ahli kariah. Oleh yang demikian adalah baik jika setiap surau mempunyai komputernya sendiri. Surau juga boleh menjadi tempat ahli kariah mengiklankan sesuatu yang baik seperti majlis keagamaan dan kenduri kendara.

### **3.2.4 Pengimarahannya**

Kebanyakan masjid dan surau di Malaysia mempunyai aktiviti dan program bulanan yang hampir sama seperti majlis tahlil, sambutan maulidur rasul, mesyuarat agung, gotong-royong, sambutan hari kebesaran Islam seperti Israk Mikraj, hari raya korban dan sebagainya (Hasan 2008). Mohd Noor et al. (2008) menjelaskan kepelbagaian program yang dilaksanakan akan dapat menghapuskan pemikiran skeptikal bahawa program yang dilaksanakan di masjid atau surau bukanlah hanya lokasi untuk beribadat semata-mata. Aktiviti pengimarahannya ini juga turut dicadangkan oleh Utaberta et al. (2010) untuk mengadakan aktiviti kegemaran remaja, kanak-kanak atau dewasa seperti bersukan dan sebagainya untuk menarik hati dan menyemai rasa cinta masyarakat Orang Asli terhadap surau. Percampuran antara golongan dewasa dan kanak-kanak juga dapat menambah rasa kasih sayang sesama insan.

### **3.3 KEPENTINGAN KECEKAPAN PENGURUSAN SURAU ORANG ASLI DI SELANGOR**

Antara kepentingan kecekapan pengurusan surau Orang Asli ini adalah untuk:

- Mewujudkan sebuah organisasi pentadbiran yang mantap dan berkesan bagi melaksanakan fungsi dan matlamat penubuhan surau.
- Memperkemas dan memperluaskan bidang usaha dan kegiatan dakwah dan tarbiah (pendidikan) agama demi mempertingkatkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat.
- Memperkemas dan memperkembangkan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi surau.
- Mewujudkan institusi kebajikan bagi meningkatkan kegiatan amal bagi mengatasi masalah kemasyarakatan umat Islam dalam kalangan fakir miskin, saudara baru (mualaf), ibu tunggal, anak yatim, dan warga emas.
- Menggalakkan dan mempergiat penglibatan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti bercorak keagamaan dan amal kebajikan.
- Mendekatkan masyarakat dengan pelbagai kemudahan dan prasarana yang ditawarkan seperti tapak ruang niaga serta penggunaan teknologi maklumat.
- Penglibatan dan penyertaan tenaga pengajar yang mahir dalam aspek pendidikan kerohanian dan pendidikan ilmiah.
- Menggunakan kemudahan teknologi untuk tujuan promosi dan publisiti surau.
- Menjalin hubungan dengan institusi-institusi pendidikan sebagai saluran mendapatkan khidmat tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkemahiran tinggi.

### **4.0 CABARAN**

Kebanyakan Orang Asli masih lagi menganut agama animisme, iaitu agama yang dianuti oleh nenek moyang mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menerima dan menganut agama Islam. Situasi ini menggambarkan bahawa perkembangan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli sangat tidak memberangsangkan. Selain itu, faktor kewangan juga mempengaruhi keaktifan sesebuah surau di perkampungan Orang Asli kerana ketiadaan dana untuk melaksanakan program dan sebagainya. Faktor kekangan masa masyarakat Orang Asli juga turut dilihat membantutkan usaha dakwah terutama program yang sudah tersedia seperti kelas mengaji dan sebagainya.



## **5.0 KESIMPULAN**

Masyarakat Orang Asli merupakan sebuah masyarakat yang telah lama mendiami Semenanjung Malaysia dari zaman berzaman. Secara tidak langsung, mereka juga merupakan sasaran dakwah bagi Unit Dakwah Orang Asli. Unit tersebut merupakan satu unit di bawah JAKIM yang bertanggungjawab bukan sahaja dalam pelaksanaan dakwah, akan tetapi mereka juga sebagai satu unit yang akan memandu dan membimbing masyarakat Orang Asli dalam kehidupan harian dan menjaga kebajikan Orang Asli.

Model kecekapan pengurusan surau Orang Asli di Selangor perlu diketengahkan bagi memastikan koleborasi antara masyarakat Orang Asli dan PMOA di surau-surau perkampungan Orang Asli dapat diselesaikan serta di atasi. Model pengurusan dan pentadbiran surau ini mampu membentuk dan memberi kefahaman sedikit sebanyak kepada Orang Asli untuk mentadbir dan mengurus sendiri organisasi surau di penempatan masing-masing serta dipantau oleh pihak PMOA dan sebagainya. Diharapkan model ini menjadi satu garis panduan kepada masyarakat Orang Asli serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam proses memantapkan akidah masyarakat Orang Asli bukan sahaja di Selangor malah di seluruh Malaysia.

## RUJUKAN

- Hasan Bahrom. 2008. Menjana sumber kewangan masjid pemangkin pembangunan ekonomi ummah. Dlm. Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi. *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 82-99.
- Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Mohd Fauzi Abu@Hussin. 2011. Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid. *Institutions* 9(2): 27-64.
- Kamal Azmi Abd. Rahman, Muhammad Yusuf MarlonAbdullah, Ahmad Faqih Ibrahim, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah Dimon & Sahlawati Abu Bakar, 2015. *Metodologi Penyelidikan: Asas-asas Ilmu Penyelidikan Islam*. Bangi: Minda Intelek Agency.
- Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi, Norhayati Salleh. 2008. Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan ke atas Masjid Cemerlang. Dlm. Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi. *Pengurusan Berkualiti Memacau Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 27-43.
- Mohd. Amin Abdul Rahim. 2010. *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Cetakan ke-3. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Syed Abdurrahman, 2009. *Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli Di Malaysia: Permasalahan dan Halangan*. Jurnal Usuluddin, Edisi 30. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Utaberta, N., Othman, H. & Surat, M. 2010. Dokumentasi, analisis dan penggunaan Hadis: satu penilaian ke atas reka bentuk masjid moden di Malaysia. *Journal of Building Performance*, 1(1):29-56.